

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA :** **TUAN NG WEI AIK**  
**[TANJONG]**

**TARIKH :** **17 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

Tuan Ng Wei Aik minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada pertimbangan yang sewajarnya telah diberikan ke atas Petisyen Rakyat terhadap Tarif Elektrik Komersil Dikenakan oleh TNB ke atas Harta Bersama /Kemudahan Awam bagi Rumah Pangsa Apartmen, Kondominium dan Segala Jenis Pemajuhan Berstrata yang Tidak Bermotifkan Keuntungan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Tanjong pada 8 Disember 2014. Mengapa tarif elektrik komersial bagi tujuan tersebut tidak dapat diturunkan selaras dengan dasar penjimatan ICPT sebanyak 2.25 sen/kWj .

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian saya telah meneliti dan menyemak petisyen yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Tanjong pada 8 Disember 2014. Tuntutan yang dikemukakan ialah supaya suatu kadar tarif baharu dengan kadar rata yang lebih rendah daripada tarif komersial semasa dan sedikit lebih tinggi daripada tarif kediaman dikenakan bagi penggunaan elektrik untuk kegunaan ke atas harta bersama/kemudahan awam bagi rumah pangsa, apartmen, kondominium dan segala jenis pemajuan berstrata yang tidak bermotifkan keuntungan.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

2. Struktur dan kadar tarif yang dicajkan kepada pengguna adalah seperti yang telah digazet dan diluluskan oleh Kerajaan. Penetapan tarif adalah berdasarkan jenis aktiviti yang dijalankan di premis pengguna berkaitan dan tahap voltan bekalan elektrik yang diambil oleh mereka. Sehubungan dengan itu, struktur dan kadar tarif yang dicajkan kepada

semua kegunaan harta-harta bersama atau *common areas*, dengan izin, (seperti koridor, lif, pam air dan sebagainya) adalah di bawah tarif perdagangan/komersial.

3. Justeru itu, tuntutan untuk mewujudkan satu lagi kategori tarif kediaman bagi penggunaan elektrik khusus untuk Badan Pengurusan Bersama (JMB) tidak dapat dipertimbangkan kerana sekiranya tarif komersial yang lebih rendah diberikan, ianya akan melibatkan subsidi bersilang yang lebih ketara kepada kategori tarif yang lain.
4. Bagi tuntutan pemberian geran insentif kewangan kepada JMB dan Perbadanan Pengurusan (MC), untuk penukaran lampu-lampu LED di koridor dan kawasan-kawasan yang merupakan hartanah bersama, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan tidak menyediakan sebarang peruntukan khusus bagi tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, bagi menjimatkan kos penggunaan elektrik dan mempraktikkan amalan kecekapan tenaga, pihak JMB atau MC boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) dan TNB.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

5. Pemberian rebat sebanyak 2.25 sen/kWj mulai 1 Mac hingga 30 Jun 2015 yang diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini adalah berikut hasil penjimatan *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT), dengan izin, yang akan dilepaskan kepada pengguna seperti berikut:

- (i) pengguna domestik yang menggunakan elektrik melebihi 300kWj sebulan; dan
- (ii) semua pengguna dalam kategori lain termasuk kategori komersial dan industri.

6. Daripada penerangan saya ini, jelas bahawa pemberian rebat berkenaan yang diterjemahkan kepada bil elektrik yang lebih rendah berdasarkan kepada jumlah penggunaan, adalah melibatkan semua pengguna termasuk kategori komersial/ perdagangan dan industri melainkan penggunaan di bawah 300kWj sebulan. Oleh yang demikian tidak timbul isu bahawa pemberian rebat tersebut tidak dipanjangkan kepada mereka yang berkaitan seperti yang di nyatakan oleh YB Tanjung. Selain itu, dalam pengumuman penstrukturkan semula bajet 2015 Kerajaan juga telah mengumumkan bahawa tiada kenaikan tarif elektrik sepanjang tahun 2015.

NO. SOALAN: 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]**

**TARIKH : 17 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7701**

**SOALAN:**

Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan “*Second-hand Dealers Act 1946*” dalam membanteras pencurian kabel di Sarawak setelah ia diterima pakai di Sarawak pada 2 April 2014. Senaraikan jumlah penangkapan serta penyiasatan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

PDRM sentiasa prihatin dan komited bagi membanteras kejadian jenayah yang melibatkan barang curi termasuk kecurian kabel elektrik dan telefon dengan mengadakan operasi Lusuh secara berterusan. Kesalahan bagi menyimpan barang-barang curi adalah dibawah **seksyen 411** (*Dengan niat curang memiliki harta curi*) dan **seksyen 414** (*menolong menghapuskan harta curi*).

Bagi negeri Sarawak, Akta Peniaga Sekendhend 1946 (*Second-hand Dealers Act*) telah diwartakan pada 16 Disember 2014. Akta yang telah diterima pakai di Sarawak ini adalah relevan untuk mengekang kecurian dan aktiviti-aktiviti haram yang berkaitan dengan barang terpakai. Pada peringkat ini PDRM khususnya Kontinjen Sarawak sentiasa bersedia menerima permohonan dan seterusnya memproses permohonan peniaga barang terpakai sebagaimana termaktub dalam Akta tersebut. Semenjak akta ini diterima pakai, PDRM hanya menerima sebanyak 7 permohonan dan permohonan tersebut telah pun diluluskan. Dalam waktu yang terdekat ini penguatkuasaan mengikut Akta tersebut belum di laksanakan. Pemeriksaan yang di lakukan ketika ini adalah mengikut undang-undang lain yang sedia ada seperti di bawah Kanun Keseksaan.